

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/1993

April 1993

SBU302 - Asas-Asas Pembangunan dalam Islam

Masa: (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi dua muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) dari soalan berikut. Jawapan mestilah tepat, padat dan kritis.

1. Dalam membentuk konsep pembangunan berteraskan Islam, perlukah diambil-kira persoalan fungsi kehidupan manusia dan kesepaduan ilmu menurut Islam? Bincangkan dengan kritis.

(100 markah)

2. Dalam pembangunan berteraskan Islam, apakah yang dimaksudkan dengan 'mempertahankan status manusia sebagai manusia'? Kenapakah status manusia sebagai manusia mesti dipertahankan?

(100 markah)

3. Sumber-sumber alam adalah terhad, sedangkan kemahuan manusia tidak terhad. Adakah anda setuju? Bagaimanakah pembangunan berteraskan Islam mengatasi masalah kemahuan tidak terhad itu?

(100 markah)

... 2/-

4. Dari kacamata Islam, ketidaksamaan dalam keupayaan menggunakan alat-alat pengeluaran boleh diperimbangkan dengan kesaksamaan di peringkat pengagihan hasil pengeluaran berkenaan. Huraikan bagaimana proses keadilan pengagihan begini berlaku.  
(100 markah)
5. Anda ditugaskan untuk merangka satu Pelan Induk (Master Plan) pembangunan berteraskan Islam di Malaysia. Bagaimanakah kaedah anda merealisasikan proses takhalli, tahalli dan tajalli dalam pelaksanaan perancangan anda itu? Kenapakah proses takhalli, tahalli dan tajalli ini mesti dimasukkan ke dalam perancangan Pelan Induk itu?  
(100 markah)

- oo oo oo -